

PEMANTAPAN TATABAHASA - KATA MAJMUK

Definisi Kata Majmuk

1. Kata majmuk ialah bentuk yang dihasilkan melalui proses yang mencantumkan atau merangkaikan dua kata dasar atau lebih yang membawa makna tertentu.

Contohnya:

kapal terbang	balai polis
jalan raya	balai raya
buku kerja	alat tulis

1. Kata majmuk bertindak sebagai satu unit dan dieja secara terpisah kecuali beberapa bentuk yang telah mantap dan utuh sebagai satu perkataan walaupun terdiri daripada dua perkataan.

contoh kata majmuk dieja rapat sebagai satu perkataan:

antarabangsa	kerjasama
apabila	manakala
apahal	manalagi
apakata	olahraga
apalagi	padahal
bagaimana	pesuruhjaya
barangkali	sediakala
beritahu	setiausaha
bumiputera	sukacita
darihal	sukarela
daripada	suruhanjaya
dukacita	tandatangan
jawatankuasa	tanggungjawab
kakitangan	warganegara
kepada	

BENTUK-BENTUK KATA MAJMUK:

a) kata majmuk yang terdiri daripada *rangkai kata bebas*

Contohnya:

gambar rajah	alat tulis
biru laut	bandar raya
air hujan	tengah hari
jalan raya	jam tangan
nasi minyak	meja tulis
terima kasih	bom tangan
luar biasa	kapal terbang
merah muda	kuning langsung

Dalam kategori ini juga termasuk bentuk kata yang digunakan sebagai

gelaran,
contohnya

Perdana Menteri Duta Besar Raja Muda Setiausaha Politik Penolong Pendaftar	Ketua Menteri Naib Canselor Profesor Madya Timbalan Ketua Pustakawan Ketua Setiausaha Negara
----------------------------------------------------------------------------------------	----------------------------------------------------------------------------------------------------------

b) kata majmuk yang berbentuk *istilah khusus* dalam bidang ilmiah
Contohnya:

model linear garis pusat telefon dail terus lesung sendi kanta tangan	mata pelajaran pita suara darah panas kertas kerja batu kapur
-----------------------------------------------------------------------------------	---------------------------------------------------------------------------

c) kata majmuk yang mendokong *maksud kiasan*, iaitu simpulan bahasa
Contohnya:

kaki ayam buah hati duit kopi makan angin pilih kasih	anak emas bulan madu manis mulut tumbuk rusuk berat tangan
-------------------------------------------------------------------	------------------------------------------------------------------------

PROSES PENGGANDAAN KATA MAJMUK

a) Penggandaan kata majmuk yang dieja terpisah hanya melibatkan penggandaan unsur pertama kata sahaja.

Contohnya:

gambar rajah alat tulis jalan raya meja tulis kapal terbang mata pelajaran guru besar menteri besar jam tangan pejabat pos balai polis kereta kebal bom tangan	gambar-gambar rajah alat-alat tulis jalan-jalan raya meja-meja tulis kapal-kapal terbang mata-mata pelajaran guru-guru besar menteri-menteri besar jam-jam tangan pejabat-pejabat pos balai-balai polis kereta-kereta kebal bom-bom tangan
----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

b) Satu **kecualian** ialah penggandaan yang melibatkan **simpulan bahasa** dan **bentuk yang telah mantap**; penggandaannya melibatkan

keseluruhan unsur.

Contohnya:

anak emas pesuruhjaya warganegara tandatangan jawatankuasa setiausaha bumiputera buah hati buah tangan	anak emas-anak emas pesuruhjaya-pesuruhjaya warganegara-warganegara tandatangan-tandatangan jawatankuasa-jawatankuasa setiausaha-setiausaha bumiputera-bumiputera buah hati-buah hati buah tangan-buah tangan
--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

PROSES PENGIMBUHAN KATA MAJMUK

- Kata majmuk boleh menerima imbuhan untuk menghasilkan kata terbitan.
- Pengimbuhan kata majmuk terdapat dalam dua bentuk, iaitu:
 - i) apabila kata majmuk
 - menerima imbuhan awalan atau akhiran sahaja,
 - ejaannya tetap terpisah.

Contohnya		
campur aduk	→	ber campur aduk
litar selari	→	ber litar selari
ambil alih	→	meng ambil alih
temu bual	→	di temu bual
daya serap	→	daya serapan
kemas kini	→	mengemas kini

- ii) apabila kata majmuk
 - menerima imbuhan apitan,
 - ejaannya menjadi bercantum.

Contohnya:

campur aduk	→	men campuraduk kan
daya serap	→	ke dayaserap an
garis pusat	→	meng arispusat kan
satu padu	→	men yatupaduk an
tunjuk ajar	→	men unjukajar kan

Penggolongan Kata Majmuk

Kata majmuk dapat digolongkan kepada golongan yang berikut;

a) Kata Nama Majmuk

Contohnya;

alat tuli balai raya suku kata jirim-jirim organik Menteri Besar Penolong Pendaftar ibu bapa	gambar rajah kapal terbang garis pusat setiausaha tandatangan Ketua Menteri mata pelajaran surat khabar
----------------------------------------------------------------------------------------------------------------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

b). Kata Kerja Majmuk

Contohnya:

hapus kira ambil alihlipat ganda kenal pasti terima kasih gulung tikar bersatu padu	mereka bentuk menandatangani bertanggungjawab berlatarbelakangkan mengemas kini mencampur aduk ditemu bual
----------------------------------------------------------------------------------------------------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

c) Kata Adjektif Majmuk

Contohnya:

merah jambu Terang hati kuning langsung muda remaja panas terik sukacita dukacita.	
------------------------------------------------------------------------------------------------------	--

d) Kata Tugas Majmuk

Contohnya:

bagaimana, apabila, barangkali, kadangkala, .	walhal, daripada, kepada, mana lagi
--------------------------------------------------------	----------------------------------------------

Tambahan:

Cara Mengenal Kata Majmuk

Kata majmuk tidak dapat menerima sebarang penyisipan antara perkataan yang membentuk kata majmuk, contohnya:

- Tandatangan tidak dapat disisipkan kata yang untuk membentuk tanda yang tangan.
- Urus setia tidak dapat disisipkan kata yang untuk membentuk urus yang

setia.

- **Kakitangan tidak dapat disisipkan dan bagi membentuk kaki dan tangan**
- **Tanah air tidak dapat disisipkan dan bagi membentuk tanah dan air.**